

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membantu pemandu teksi yang terkesan dengan wabak COVID-19 di seluruh negara.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan Pakej PRIHATIN untuk membantu rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Antara bantuan yang diumumkan adalah bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM500 kepada pemandu e-hailing dan RM600 kepada pemandu teksi. Oleh yang demikian, Kementerian kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi inisiatif ini di mana ia telah pun disalurkan kepada penerima yang layak bermula 2 April 2020.

Semenanjung Malaysia

2. Sebanyak RM55,807,600 telah disalurkan kepada pemandu teksi dan e-hailing di Semenanjung Malaysia dengan pecahan seramai 34,286 orang pemandu teksi serta 70,472 orang pemandu e-hailing telah menerima manfaat daripada bantuan prihatin ini.

Sarawak

3. Jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membantu pemandu teksi khususnya di Negeri Sarawak pula berjumlah RM108,958.00. Fasa pertama melibatkan seramai 988 pemandu teksi yang layak dan telah menerima bantuan. Selebihnya seramai 180 pemandu teksi yang dikenalpasti layak, telah disalurkan maklumat tersebut ke Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan pembayaran.

Sabah

4. LPKP Sabah telah menerima dan menyelaraskan bantuan melibatkan 2,565 pemandu iaitu sebanyak RM1,539,000. Fasa Pertama pembayaran melibatkan bantuan berjumlah RM1,062,600.00 telah disalurkan kepada 1771 pemandu yang layak oleh Kerajaan pada bulan Jun 2020. Manakala baki 794 pemandu melibatkan bantuan sejumlah RM476,400.00 adalah dalam tindakan penyaluran.

Sekian, terima kasih.